

Tindakan tegas terhadap 'ulat teksi'

Bentong 19 Jun - Kerajaan memandang serius kegiatan 'ulat teksi' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang terlibat.

Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai berkata, kegiatan 'ulat teksi' di lapangan terbang tersebut tidak boleh dibiarkan berterusan memandangkan ia boleh mencemarkan nama baik negara.

"Isu 'ulat teksi' di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum ini kita sudah selesaikan dan kalau ada aduan timbul semula isu ulat di KLIA2, saya akan arahkan tindakan tegas diambil segera.

"Kita tidak boleh membiarkannya kerana akan merosakkan imej negara memandangkan ramai pelancong datang melalui pintu masuk lapangan terbang itu," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung Yamaha Ke-19 di Dataran Bentong di sini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, kegiatan 'ulat-ulat teksi' di KLIA2 bagai tiada kesudahan meskipun pelbagai pendedahan dibuat media.

Menurut Tiong Lai, lapangan terbang antarabangsa berkenaan yang menjadi antara pintu masuk utama pelancong ke negara ini mempunyai sistem tiket teksi yang sistematik.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 12 | 20 JUN 2017